



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PERTANIAN RENDAH (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEMBANTU PERTANIAN RENDAH**
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Berpengalaman dalam bidang kerja pertanian adalah kelebihan.
4. Berkebolehan dalam menggunakan peralatan teknologi maklumat (*IT*) adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan pemeriksaan komoditi import pertanian di pos-pos kawalan seluruh negara dan juga premis-premis yang berkenaan;
2. Mengambil dan mencatat maklumat dan data komoditi import dan eksport pertanian untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data Jabatan;
3. Menyampaikan taklimat dan bengkel kepada pengusaha, pengimport dan orang awam bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pos kawalan;



4. Memeriksa dan mengesahkan dokumen komoditi import pertanian di pos-pos kawalan seluruh negara dan juga premis-premis yang berkenaan;
5. Memastikan kemasukan komoditi pertanian di pos-pos kawalan dan premis berkenaan adalah bebas daripada musuh perosak tanaman dan penyakit-penyakit ternakan; dan
6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Bahagian, Ketua Seksyen dan Ketua Unit dari semasa ke semasa.